

Rujukan kami : UMP.02.01/10.12/2 Jilid 09 (21)
Tarikh : 3 Julai 2021

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Dato'/ Datin/ Prof./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

ARAHAN PENGOPERASIAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) KAMPUS GAMBANG DI BAWAH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI SELURUH MUKIM KUALA KUANTAN, KUANTAN MULAI 3 JULAI 2021 HINGGA 17 JULAI 2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa dengan merujuk kepada pengumuman oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Pahang pada 2 Julai 2021, kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan **Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)** di seluruh Mukim Kuala Kuantan, Kuantan mulai **3 Julai hingga 17 Julai 2021**.

3. Sehubungan dengan itu, UMP Kampus Gambang yang terletak di dalam Mukim Kuala Kuantan, Kuantan adalah tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak MKN sepanjang tempoh PKPD.

4. Selaras dengan pengumuman tersebut maka Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 6 Tahun 2021 yang telah diedarkan pada 24 Mei 2021 berkenaan Operasi UMP dalam tempoh PKPD adalah terpakai bagi UMP Kampus Gambang **dengan pindaan** berdasarkan SOP MKN yang terkini bagi PKPD iaitu kehadiran di pejabat hanya dibenarkan bagi perkhidmatan perlu dan **tidak melebihi 20%** pada satu-satu masa berdasarkan keutamaan pada proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara Bekerja Dari Rumah (BDR).

5. Sebarang perubahan pengoperasian dan pemakluman SOP baharu akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/ Datin/ Prof./ Prof. Madya/ Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAZMIN BIN ARIS)

Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang

s.k. - Naib Canselor



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 6 TAHUN 2021

OPERASI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) SUSULAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI DAERAH KUANTAN BERMULA 24 MEI 2021 HINGGA 7 JUN 2021 DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 DIPERKETATKAN BERMULA 25 MEI 2021 HINGGA 7 JUN 2021

1. TUJUAN

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan pihak pengurusan universiti berkenaan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Daerah Kuantan bermula 24 Mei 2021 hingga 7 Jun 2021 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 Diperketatkan bermula 25 Mei 2021 hingga 7 Jun 2021 serta tatacara pengoperasian Universiti Malaysia Pahang (UMP).

2. LATAR BELAKANG

2.1. Menteri Kanan Pertahanan pada 22 Mei 2021 telah mengumumkan keputusan Mesyuarat Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk mengetatkan lagi pelaksanaan PKP 3.0 yang sedang berkuat kuasa dengan menambah sekatan yang lebih ketat ke atas sektor ekonomi dan sosial.

2.2. Turut dimaklumkan oleh Menteri Kanan Pertahanan adalah berkenaan pelaksanaan PKPD di tujuh (7) mukim di dalam Daerah Kuantan, Pahang berkuat kuasa 24 Mei hingga 7 Jun 2021.

2.3. Selaras dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) terkini MKN berkenaan PKP 3.0 Diperketatkan yang berkuatkuasa 25 Mei 2021 dan PKPD di Daerah Kuantan yang berkuatkuasa 24 Mei 2021 serta pemakluman pengoperasian pejabat kerajaan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) maka pihak pengurusan universiti bersetuju operasi UMP dilaksanakan bersesuaian dengan SOP semasa dengan kawalan tambahan.

3. PELAKSANAAN OPERASI UMP

3.1. Pengoperasian UMP Dan Kawalan Pergerakan

- i. **Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dengan kehadiran 10% ke pejabat** atau menjalankan tugas rasmi universiti dengan surat pengesahan daripada ketua jabatan masing-masing (pengecualian terhadap sektor keselamatan dan kesihatan).
- ii. **Staf selain daripada perkhidmatan perlu atau tidak diarahkan menjalankan tugas rasmi universiti oleh ketua jabatan hendaklah Bekerja Dari Rumah (BDR) sepenuhnya.** Kebenaran hadir ke pejabat bagi menjalankan tugas rasmi universiti hanya bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR dan memerlukan keberadaan di pejabat.
- iii. Ketua jabatan hendaklah melaksanakan arahan ini dengan merancang kehadiran staf yang diperlukan di pejabat dan BDR.
- iv. Bagi staf yang kediamannya berada di kawasan PKPD, pergerakan staf yang diarahkan bertugas oleh ketua jabatan hanya dibenarkan dalam kawasan PKPD sahaja dengan surat pengesahan ketua jabatan (contoh: staf yang tinggal di Daerah Kuantan dan bekerja di UMP Gambang).
- v. Bagi staf yang kediamannya berada di kawasan PKPD dan dalam kategori perkhidmatan perlu atau menjalankan tugas rasmi universiti, pergerakan staf yang diarahkan bertugas oleh ketua jabatan ke pejabat

- dibenarkan dengan surat pengesahan ketua jabatan (contoh: staf yang tinggal di Daerah Kuantan dan bekerja di UMP Pekan).
- vi. Bagi staf yang kediamannya berada di kawasan selain PKPD, pergerakan staf yang diarahkan bertugas oleh ketua jabatan ke pejabat adalah dibenarkan dengan surat pengesahan ketua jabatan (contoh: staf yang tinggal di Daerah Pekan dan bekerja di UMP Gambang atau UMP Pekan).
 - vii. Mana-mana individu yang telah dikenakan Arahan Kuarantin di Rumah (HSO) oleh universiti atau Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak dibenarkan keluar kediaman.

3.2. Aktiviti Di Dalam Kampus

- i. Kafeteria dibenarkan beroperasi antara 8.00 pagi hingga 8.00 malam. Pembelian makanan secara bawa pulang (*take away*), pandu lalu (*drive-thru*) atau penghantaran sahaja dibenarkan. *Dine-in* tidak dibenarkan.
- ii. Kedai runcit, kedai serbaneka dan kedai barangan keperluan harian dibenarkan beroperasi antara 8.00 pagi hingga 8.00 malam.
- iii. Aktiviti masjid dan surau dibenarkan untuk azan dan solat berjemaah dengan kehadiran tiga 3 orang pegawai masjid/surau sahaja dengan tambahan seorang Ahli Jawatankuasa (AJK) tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri. Sebarang perubahan SOP akan dimaklumkan oleh Pusat Islam dan Pembangunan Insan.
- iv. Sebarang aktiviti sukan, sosial, rekreasi dan budaya (*indoor* dan *outdoor*) adalah tidak dibenarkan. Taman-taman awam di dalam kampus adalah ditutup.
- v. Mesyuarat secara bersemuka adalah tidak dibenarkan.
- vi. Pusat asuhan/jagaan kanak-kanak, taska dan tadika dibenarkan hanya untuk ibu bapa/penjaga yang terlibat dalam perkhidmatan perlu atau

menjalankan tugas rasmi universiti dengan surat pengesahan ketua jabatan sahaja mengikut SOP yang ditetapkan oleh Kementerian atau Agensi berkaitan. Ibu bapa/penjaga yang menghantar anak-anak ke pusat jagaan kanak-kanak dibenarkan menggunakan kenderaan dengan jumlah penumpang kanak-kanak mengikut kapasiti kenderaan.

3.3. Senarai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)

Kebenaran operasi diberikan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) yang berkaitan UMP seperti berikut:

- i. Perkhidmatan kewangan.
- ii. Perkhidmatan air, elektrik dan tenaga.
- iii. Perkhidmatan pos dan kurier.
- iv. Perkhidmatan kesihatan.
- v. Perkhidmatan keselamatan.
- vi. Perkhidmatan penyediaan makanan dan barangan keperluan harian.
- vii. Perkhidmatan veterinar dan keperluan makanan haiwan.
- viii. Pengurusan sisa pepejal dan pembedahan.
- ix. Perkhidmatan pembaikan kenderaan dan alat ganti.
- x. Kerja-kerja pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikan bersifat kritikal sahaja.
- xi. Perkhidmatan sektor perikanan, perladangan, pertanian, penternakan dan semua yang berkaitan dengan rantai makanan.
- xii. Perkhidmatan perundangan.
- xiii. Apa-apa aktiviti yang menjadi rantai kepada mana-mana perkhidmatan perlu.

3.4. Aktiviti yang tidak dibenarkan

Senarai aktiviti yang tidak dibenarkan (*negative list*) adalah seperti berikut:

- i. Aktiviti gunting rambut.
- ii. Aktiviti hiburan seperti karaoke dan *busking* (tertutup dan terbuka).

- iii. Aktiviti sukan dan rekreasi (*indoor* dan *outdoor*).
- iv. Semua majlis rasmi/tidak rasmi kerajaan/swasta atau sebarang bentuk majlis sosial.
- v. Sebarang bentuk seminar, kursus, latihan, kelas dan apa-apa jua aktiviti pendidikan atau pembelajaran secara bersemuka.
- vi. Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan.
- vii. Lain-lain perkara yang diputuskan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

3.5. Aktiviti Akademik Dan Penyelidikan

- i. Sesi pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar yang berada di rumah adalah diteruskan secara dalam talian mengikut kalendar akademik semasa.
- ii. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar berkeperluan khas (6 Kategori) yang berada di dalam kampus akan diadakan secara dalam talian sepenuhnya.
- iii. Aktiviti penyelidikan dan penggunaan makmal adalah tidak dibenarkan bagi semua staf, pelajar prasiswazah dan pelajar pasca siswazah.
- iv. Sebarang perubahan ketetapan pelaksanaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

3.6. Hal Ehwal Pelajar

- i. Semua pelajar yang berada di dalam kampus adalah tidak dibenarkan keluar dari kampus.
- ii. Semua pelajar yang berada di luar kampus adalah tidak dibenarkan memasuki kampus.

- iii. Pelaksanaan Kawalan Diperketatkan dan Larangan Keluar Masuk Pelajar (KDLKM) akan dilaksanakan serta-merta kepada mana-mana Residen Pelajar sekiranya berlaku kes positif COVID-19.
- iv. Sebarang perubahan ketetapan pelaksanaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

3.7. Urusan Pihak Luar

- i. Urusan pihak luar berkaitan kontraktor (pembersihan, pembinaan, penyelenggaraan dan sebagainya)/ syarikat kurier adalah dibenarkan dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan jumlah kehadiran minimum. Perincian berkaitan perkara ini akan diselaraskan oleh Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta (PPPH) dan UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH).
- ii. Pelawat/ Ibu bapa/ teksi/ *e-hailing*/ perkhidmatan penghantaran makanan adalah tidak dibenarkan memasuki kampus.

4. KUATKUASA

- 4.1. Pekeliling pentadbiran ini adalah berkuat kuasa pada **24 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021** atau sehingga pihak kerajaan mengeluarkan arahan terbaharu mengenai tempoh pelanjutan atau penamatan PKP dan PKPD.
- 4.2. Penguatkuasaan pekeling ini membatalkan kenyataan pada mana-mana pekeling yang berkuat kuasa sebelum ini yang berbeza dengan pekeling semasa.

5. PEMATUHAN

- 5.1. Pekeliling ini wajib dipatuhi tanpa sebarang prejudis. Siasatan akan dijalankan kepada mana-mana pihak yang didapati gagal mematuhi pekeling ini dan tindakan bersesuaian mengikut peraturan universiti boleh dikenakan.

5.2. Pekeliling ini terpakai kepada warga UMP dan untuk edaran dalaman sahaja.

5.3. Sebarang perubahan kepada pekeliling ini adalah tertakluk kepada keputusan yang akan dimaklumkan oleh pihak pengurusan universiti.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAZMIN BIN ARIS)

Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 23 Mei 2021

Pengurusan Tertinggi

1. **YBhg. Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Bin Wan Yusoff**
Naib Canselor / Ketua Pegawai Eksekutif
2. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rosli Bin Hainin**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Bin Zamli**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **Encik Hazmin Bin Aris**
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **Encik Zainudin Bin Othman**
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Encik Azman Bin Abdul Rahim**
Ketua Pustakawan

Penolong Naib Canselor / Dekan Kanan / Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit

8. **Profesor Madya Ir. Dr. Nurul Hazlina Binti Noordin**
Penolong Naib Canselor
Jabatan Pembangunan Graduan
9. **Profesor Dr. Abdullah Bin Ibrahim**
Dekan Kanan
Kolej Teknologi Kejuruteraan
10. **Profesor Ts. Dr. Ruzaini Bin Abdullah Arshah**
Dekan Kanan
Kolej Komputeran & Sains Gunaan
11. **Profesor Madya Dr. Hasan Bin Ahmad**
Dekan Kanan
Kolej Pengurusan & Kemanusiaan
12. **Profesor Madya Ir. Dr. Haji Nik Mohd Zuki Bin Nik Mohamed**
Dekan
Kolej Kejuruteraan
13. **Profesor Madya Dr. Hamdan Bin Daniyal**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FTKEE)

- 14. Profesor Dr. Mahadzir Bin Ishak @ Muhammad**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Automotif (FTKMA)
- 15. Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Faiz Bin Mohd Turan**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan & Mekatronik (FTKPM)
- 16. Ir. Dr. Fadzil Bin Mat Yahaya**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)
- 17. Profesor Madya Ts. Dr. Che Ku Mohammad Faizal Bin Che Ku Yahya**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia & Proses (FTKKP)
- 18. Profesor Madya Ts. Dr. Adzhar Bin Kamaludin**
Dekan
Fakulti Komputeran (FCom)
- 19. Profesor Madya Dr. Mohd Hasbi Bin Ab Rahim**
Dekan
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
- 20. Profesor Dr. Mohd Zuki Bin Salleh**
Dekan
Pusat Sains Matematik (PSM)
- 21. Dr. Mohd Hanafiah Bin Ahmad**
Dekan
Fakulti Pengurusan Industri (FIM)
- 22. Dr. Mohamad Hilmi Bin Mat Said**
Dekan
Pusat Sains Kemanusiaan (PSK)
- 23. Profesor Madya Dr. Nik Aloesnita Binti Nik Mohd Alwi**
Dekan
Pusat Bahasa Moden (PBM)
- 24. Profesor Madya Dr. Roslinazairimah binti Zakaria**
Dekan
Pusat Diploma dan Asasi (PDA)
- 25. YBhg. Profesor Datin Ts. Dr. Mimi Sakinah Binti Abdul Munaim**
Dekan
Institut Pengajian Siswazah (IPS)
- 26. Profesor Ts. Dr. Md. Mustafizur Rahman**
Dekan
Penyelidikan
Jabatan Penyelidikan & Inovasi

- 27. Profesor Madya Dr. Ahmad Tarmizi Bin Haron**
Dekan
Pengkomersialan
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 28. Profesor Madya Dr. Abdul Adam Bin Abdullah**
Dekan
Inovasi Industri
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 29. Dr. Ahmad Johari Bin Mohamad**
Dekan
Pembangunan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 30. Profesor Madya Dr. Mansor Bin Sulaiman**
Dekan
Perkhidmatan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 31. Puan Marlina Binti Mamat**
Menjalankan Tugas
Ketua Jabatan Perundangan
- 32. Profesor Madya Dr. Chong Kwok Feng**
Pengarah/Ketua Pegawai Strategi,
Pusat Hal Ehwal Korporat & Kualiti (PHKK)
- 33. Profesor Madya Dr. Mohamad Idris Bin Ali**
Pengarah/Ketua Pegawai Pengurusan Fasiliti,
Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta (PPPH)
- 34. Encik Irman Bin Khalil**
Menjalankan Tugas
Pengarah/Ketua Pegawai Maklumat,
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK)
- 35. Dr. Khairul Salleh Bin Abdul Basit**
Pengarah
Pusat Kesihatan Universiti (PKU)
- 36. Profesor Ts. Dr. Kamal Bin Yusoh**
Pengarah
Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (PIDA)
- 37. Profesor Madya Dr. Mohd Shahrir Bin Mohd Sani**
Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik (PPA)
- 38. Profesor Madya Ir. Dr. Chin Sim Yee**
Pengarah
Pusat Usahasama Strategik Akademik (PUSA)

- 39. Profesor Madya Ts. Dr. Awanis Binti Romli**
Pengarah
Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe)
- 40. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Ruzaimi Bin Mat Rejab**
Pengarah
Pusat Kerjasama Akademik Jerman
- 41. Encik Helmi Bin Mohamed Isa**
Pengarah
Pusat Pemasaran dan Kemasukan Akademik (PPKA)
- 42. Cik Yong Ying Mei**
Pengarah
Institut Confucius
- 43. Ts. Dr. Mohd Razali Bin Hanipah**
Pengarah
Pusat Kejuruteraan Automotif (Pusat Automotif)
- 44. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Yusri Bin Mohd Yunus**
Pengarah
Pusat Kelestarian Ekosistem & Sumber Alam (Pusat Alam)
- 45. Sr. Dr. Ngahzaifa Binti Ab Ghani**
Pengarah
Pusat Pembangunan Perisian & Perkomputeran Bersepadu (Pusat Perisian)
- 46. Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Fairusham Bin Ghazali**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Bendalir & Proses Termaju (Pusat Bendalir)
- 47. Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Bin Tajuddin**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Bioaromatik (Pusat Bioaromatik)
- 48. Profesor Madya Dr. Gaanty Pragas A/L Maniam**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Biosains Tropika Termaju (Pusat Biotropik)
- 49. Ts. Syahrulnaim Bin Mohamad Nawi**
Pengarah
Pusat Reka Bentuk & Inovasi Teknologi (PRInT)
- 50. Profesor Madya Dr. Rashidi Bin Abbas**
Pengarah
Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN)
- 51. YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli Bin Abu Bakar**
Pengarah
Pusat Sukan dan Kebudayaan

- 52. Profesor Madya Dr. Saiful Anwar Bin Che Ghani**
Pengarah
Pusat Jaringan Industri & Masyarakat (PJIM)
- 53. Dr. Mohd Nizar Bin Mhd Razali**
Pengarah
Pusat Keusahawanan
- 54. Profesor Madya Dr. Irene Ting Wei Kiong**
Pengarah
Pusat Penempatan & Pembangunan Kerjaya
- 55. Dr. Mohd Azmir Bin Mohd Azhari**
Pengarah
Pusat Hubungan Antarabangsa (PUHA)
- 56. Ir. Ts. Dr. Siti Zubaidah Binti Sulaiman**
Pengarah
Pusat Perhubungan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan
- 57. YBhg. Datuk Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi Bin Hashim @ Wan Husain**
Pengarah
Institut Tamadun dan Kajian Strategik (ITKAS)
- 58. Dr. Munira Binti Abdul Razak**
Pengarah
Unit Perkhidmatan Orang Kurang Upaya
- 59. Encik Muhammad Azli Bin Shukri**
Pengarah
Penerbit UMP
- 60. Ts. Muhammad Hairynizam Bin Muhd Taib**
Pengarah
Unit Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
- 61. Encik Mohd Akram Bin Abdul Razak**
Ketua
Unit Audit Dalam
- 62. Encik Kasran Bin Abdullah**
Ketua
Unit Pengurusan Risiko
- 63. Dr. Fatmawati Binti Latada**
Ketua
Unit Perundingan dan Bantuan Staf
- 64. Cik Noriza Binti Hassan**
Ketua
Unit Integriti dan Pematuhan

- 65. Encik Zainuddin Bin Mat Husin**
Pengurus Kanan
Pejabat Naib Canselor
- 66. Encik Abd Rahman bin Haji Safie**
Pengurus Kanan
Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa
- 67. Encik Rosilavi Bin Mat Jusoh**
Pengurus
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 68. Puan Haryani Binti Abdullah**
Pengurus Kanan
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 69. Encik Abdul Shukur Bin Ishak**
Pengurus Kanan
Jabatan Pembangunan Graduan
- 70. Encik Saiful Bahri Bin Ahmad Bakarim**
Pengurus Kanan
Jabatan Pendaftar
- 71. Encik Ahmad Fauzi Bin Ahmad Bakti**
Ketua
Bahagian Keselamatan

Anak Syarikat UMP

- 72. Ir. Dr. Syed Mohamed Hamzah Al-Junid Bin Syed Abdul Rahman**
Ketua Pegawai Eksekutif
UMP Holdings & Kumpulan
- 73. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rusllim Bin Mohamed**
Ketua Pegawai Eksekutif
UMP Advanced Education